

# APO-THEO LA TABLET

Theophylline Anydrous (200mg, 300mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Apo-Theo LA
2. Bagaimana Apo-Theo LA berfungsi
3. Sebelum menggunakan Apo-Theo LA
4. Cara menggunakan Apo-Theo LA
5. Semasa menggunakan Apo-Theo LA
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Theo LA
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Apo-Theo LA

Apo-Theo LA adalah ubat preskripsi yang mengandungi bahan aktif *theophylline*. Apo-Theo LA digunakan untuk melegakan gejala-gejala seperti nafas berdehit atau sesak nafas yang disebabkan oleh asma, bronkitis (pembengkakan membran mukus dalam bahagian paru-paru), emphysema (kerosakan pundi angin dalam paru-paru), atau masalah pernafasan yang lain.

## Bagaimana Apo-Theo LA berfungsi

Apo-Theo LA merupakan bronkodilator. Ia berfungsi dengan mengendurkan otot di dalam saluran pernafasan dan paru-paru untuk melegakan bronkospasma (penyempitan bronkus disebabkan pengecutan otot dinding) dan meningkatkan kadar aliran dan kapasiti penting (gas pernafasan yang dikeluarkan sepenuhnya secara paksa selepas inspirasi maksimum.)

## Sebelum menggunakan Apo-Theo LA

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alah kepada *theophylline* atau mana-mana bahan kandungan ubatan ini atau jika anda mempunyai masalah perubatan seperti ulser peptik/ penyakit jantung koronari.

## Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Apo-Theo LA jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Apo-Theo LA jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### - Sebelum mula mengambil Apo-Theo LA

Sebelum anda mula mengambil APO-THEO LA, doktor anda perlu tahu:

- Sebarang masalah perubatan lain yang anda mungkin mengalami termasuk hypoxemia teruk (tahap oksigen rendah dalam darah), hipertensi (tekanan darah tinggi), hipertiroidisme (tiroid terlalu aktif), penyakit hati, dalam warga tua (terutamanya lelaki).
- Sama ada anda merancang untuk hamil, sedang hamil atau menyusukan bayi;

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ubat-ubatan seperti *cimetidine*, ejen *alkalinizing*, *phenytoin*, barbiturat akan menjadikan pelepasan *theophylline* dari badan. Penggunaan Apo-Theo LA dengan ubat-ubatan lain juga mungkin meningkatkan kesan ubat-ubatan tertentu seperti *digitalis glycosides* (menyebabkan peningkatan kesan kepada jantung), thiazide (menyebabkan peningkatan diuresis / penghasilan air kencing)

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Apo-Theo LA

### - Berapa banyak harus digunakan Dewasa

Dos awal untuk orang dewasa adalah 200 - 300 mg setiap 12 jam. Dos ini boleh ditambah dengan 50 - 100mg setiap 12 jam pada jangka masa 3 hari sehingga tindak balas yang memuaskan diperolehi atau kesan toksik muncul.

## Kanak-kanak

Penggunaan Apo-Theo LA pada kanak-kanak di bawah umur dua belas tahun tidak digalakkan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Tablet Apo-Theo LA harus ditelan secara menyeluruh. Jangan memecahkan, mengunyah atau menghancurkan tablet ketika mengambilnya.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala dos berlebihan mungkin termasuk insomnia, kegelisahan, mudah terangsang atau cepat marah, dan peningkatan dalam nadi. Tiada selera makan, loya dan muntah adalah pemerhatian awal yang wujud ketika berlebihan theophylline. .

Demam, *diuresis*(penghasilan air kencing yang berlebihan), dehidrasi dan dahaga melampau juga boleh dikesan.

#### **Semasa menggunakan Apo-Theo LA**

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Apo-Theo LA.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Apo-Theo LA dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

#### **Memandu dan menggunakan jentera**

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

#### **Kesan-sesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, Apo-Theo LA boleh menyebabkan kesan sampingan,

walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Anda mungkin mengalami beberapa kesan sampingan seperti berikut:

- Loya, muntah, ketidakselesaan perut;
- Sakit kepala, kerengsaan, kegelisahan;
- Degupan jantung yang tidak teratur, muka menjadi merah padam;
- *tachypnea* (Kadar pernafasan yang lebih tinggi daripada normal)

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers Reporting*).

#### **Cara penyimpanan dan pelupusan Apo-Theo LA**

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 25°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

#### **Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

Tablet 200mg berbentuk bujur, warna putih, dwicembung, garisan pemisahan dengan ukiran perkataan "THE 200" di satu

permukaan, permukaan yang lain berukir "APO".

Tablet 300mg berbentuk kapsul, warna putih, dwicembung, garisan pemisahan dengan ukiran perkataan "THE 300" di satu permukaan, permukaan yang lain berukir "APO".

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
*Theophylline Anhydrous*

- Bahan tidak aktif  
Tablet 200mg: *Hydroxypropyl methylcellulose, anhydrous lactose, colloidal silicon dioxide, and magnesium stearate.*

Tablet 300mg: *Hydroxypropyl methylcellulose, anhydrous lactose, colloidal silicon dioxide, and magnesium stearate.*

- Nombor MAL

APO-THEO LA 200mg  
(MAL19992359AR)

APO-THEO LA 300mg  
(MAL19992360AR)

#### **Pengilang**

Apotex Inc.  
150 Signet Drive  
Weston Toronto Ontario  
M9L 1T9 Canada

#### **Pemegang Pendaftaran Produk**

Pharmaforte (M) Sdn Bhd  
2, Jalan PJU 3/49  
Sunway Damansara  
47810 Petaling Jaya

#### **Tarikh kemaskini RiMUP**

23/12/2014

#### **Nombor siri**

BPFK(R4/1)081214/00075